0293

U 8096 AAB

MAHATHIR @ @ @

KUALA LUMPUR, 16 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA-UPAYA MEMBANTU MEMULIHKAN KEDUDUKAN KALANGAN USAHAWAN BUMIPUTERA YANG TELAH +MENDERITA+ KETIKA KEMELESETAN EKONOMI DUA TAHUN LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN PULIHNYA KEDUDUKAN EKONOMI, KERAJAAN AKAN MENGADAKAN SEMULA PROJEK-PROJEK UNTUK USAHAWAN BUMIPUTERA SEPERTI PADA MASA SEBELUM KEMELESETAN EKONOMI.

BAGAIMANAPUN, PROJEK BERKENAAN BUKANLAH SEBANYAK SEPERTI DAHULU, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KE-10 PERSATUAN PEMBORONG-PEMBORONG BINAAN BUMIPUTERA MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTERA DI SINI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MENGAGIH-AGIHKAN HASIL DARIPADA PEMULIHAN EKONOMI DENGAN MENGADAKAN SEMULA PROJEK-PROJEK UNTUK USAHAWAN BUMIPUTERA BAGI MEMULIHKAN KEDUDUKAN MEREKA SEPERTI SEDIAKALA.

+BAGAIMANAPUN, SEMUA PIHAK PERLU SEDAR KERAJAAN PERLU MENGAGIHKAN HASIL DARIPADA PEMULIHAN EKONOMI KEPADA PELBAGAI SEKTOR, BUKAN HANYA KEPADA USAHAWAN TETAPI TERMASUK JUGA TUNTUTAN-TUNTUTAN DARIPADA KAKITANGAN AWAM.+

-- LAGI

1421MST 16 09 88

U 8097 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR @ @ @

BELIAU BERKATA KETIKA KEMELESETAN EKONOMI, KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGADAKAN PROJEK-PROJEK UNTUK BUMIPUTERA, WALAUPUN SEDAR BAHAWA KONTRAKTOR BUMIPUTERA BANYAK BERGANTUNG PADA KERAJAAN, KERANA PADA MASA ITU KERAJAAN LEBIH MEMENTINGKAN USAHA MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KINI BANYAK USAHA PERLU DILAKUKAN UNTUK MENINGKATKAN KEJAYAAN USAHAWAN BUMIPUTERA SEJAJAR DENGAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU (DEB) YANG AKAN TAMAT TEMPOHNYA TIDAK LAMA LAGI.

+KALANGAN BUMIPUTERA KINI HANYA MENCATAT KURANG DARIPADA 18 PERATUS PEMILIKAN EKONOMI DARIPADA MATLAMAT 30 PERATUS YANG DIRACANGKAN,+ KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MENCARI JALAN MENGATASI MASALAH ITU DAN SATU DASAR BARU AKAN DIBENTUK UNTUK MENGGANTIKAN DEB.

+KITA MEMERLUKAN BUMIPUTERA YANG BERKEBOLEHAN DAN MEMPUNYAI KEDUDUKAN KEWANGAN YANG SIHAT DISERTAI DENGAN KECEKAPAN PENGURUSAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU,+ KATA BELIAU.

INI TERBUKTI KERANA KETIKA KITA MEMPUNYAI KEDUDUKAN KEWANGAN YANG KUKUH DAN CUBA MELAKSANAKAN DASAR-DASAR BERKENAAN, RAMAI USAHAWAN GAGAL KERANA TIDAK MEMPUNYAI KECEKAPAN, TERUTAMA DARIPADA SEGI PENGURUSAN. -- LAGI

1427MST 16 09 88

U 8098 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR & & &

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENUMPUKAN TENAGA SEPENUHNYA PADA USAHA MEMULIHKAN EKONOMI DI KALANGAN BUMIPUTERA KERANA TERPAKSA MENUMPUKAN PADA MASALAH POLITIK YANG BANYAK MEMBAZIRKAN MASA.

MENGENAI BANK PULA, KATANYA, BELIAU BERULANGKALI MENASIHATI BANK-BANK BAHAWA JIKA MEREKA MEMBANKRAPKAN USAHAWAN YANG GAGAL MENJELASKAN HUTANG, IA TIDAK MENGUNTUNGKAN MEREKA ATAU NEGARA.

BELIAU BERKATA INI KERANA APABILA KEADAAN EKONOMI PULIH, MEREKA YANG BERHUTANG ITU TENTUNYA AKAN DAPAT MEMBAYAR SEMULA WANG YANG MEREKA PINJAM.

KERAJAAN AKAN MENDESAK BANK-BANK MENIMBANGKANNYA, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA DENGAN KEADAAN EKONOMI SEMAKIN PULIH, NILAI HARTA TELAH MENINGKAT DAN INI MEMUNGKINKAN MEREKA YANG BERHUTANG MEMBAYAR PINJAMAN MEREKA.

PADA MAJLIS ITU PERDANA MENTERI MENERIMA PINGAT KHAS PERSATUAN ITU, MANAKALA PRESIDEN PERSATUAN, SENATOR DATUK HAJI ABU BAKAR LAJIM, MENERIMA PINGAT EMAS KELAS SATU SEBAGAI MENGENANGI JASA-JASA MEREKA MEMPERJUANGKAN EKONOMI BUMIPUTERA. -- BERNAMA

1429MST 16 09 88